

## SIARAN MEDIA



### SIRIM METERAI TUJUH Mou UNTUK KERJASAMA TEKNOLOGI & PENGKOMERSIALAN SEMPENA NICE 2017

*12 Usahawan PKS Program SIRIM-Fraunhofer turut terima penghargaan*

**KUALA LUMPUR, 13 OKT 2017:** SIRIM Berhad, sebuah agensi penyelidikan dan teknologi utama negara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menandatangani tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi dan syarikat swasta untuk membolehkan kerjasama dalam bidang teknologi dan pengkomersialan, bersempena dengan Ekspo Inovasi dan Ekonomi Kreatif Kebangsaan (NICE) 2017 yang dianjurkan oleh MOSTI di Taman Teknologi Malaysia, di sini.

SIRIM menandatangani MoU dengan Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk membolehkan kedua-dua pihak meneroka kerjasama dalam bidang pengujian dan analitis, penyelidikan bersama, khidmat rundingan, pemindahan teknologi dan latihan amali.

SIRIM turut menandatangani MoU dengan syarikat inovasi tempatan, Zull Design Autotronic, bagi kerjasama dalam bidang latihan, perundingan dan bimbingan teknikal untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dalam bidang reka bentuk dan fabrikasi.

Bagi kedua-dua MoU, SIRIM diwakili Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani. Majlis tandatangan itu disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau. UTP diwakili Naib Canselornya, Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Haji Hashim manakala Zull Design Autotronic diwakili Pengarah Urusannya, Zulkifli Hj Haron.

Sementara itu, SIRIM Tech Venture Sdn Bhd, anak syarikat SIRIM Berhad turut menandatangani MoU dengan lima buah syarikat iaitu Sabah Energy Corporation Sdn Bhd, Strategic Euro Resource Sdn Bhd, Safari Tech PLT, Longe Medikal Sdn Bhd dan Best Impulse Sdn Bhd untuk membantu mengkomersialkan teknologi yang telah dibangunkan di SIRIM seperti BioNG, Tangki LPG, Multistage Biogas System dan Peranti Perubatan.

SIRIM Tech Venture diwakili Ketua Pegawai Operasinya, Ajmain Kassim manakala Sabah Energy Corporation oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Hj Harun Ismail; Strategic Euro Resource Sdn Bhd (Pengarah Urusan, Senthilrajah a/l Indrajah); Safari Tech PLT (Ketua Pegawai Eksekutif, Mohd Faridzul Asyraf Mat Arifin); Longe Medikal Sdn Bhd (Ketua Pegawai Eksekutif, Muhammad Izzat Ahmad Sabri); dan Best Impulse Sdn Bhd (Pengarah Urusan, Azri Ariffin).

Pada majlis itu, seramai 12 usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) turut diberi penghargaan di atas penglibatan di dalam Program SIRIM-Fraunhofer. Mereka terdiri daripada usahawan pelbagai industri seperti elektrikal dan elektronik; bahan pembungkusan; pemesinan dan kejuruteraan; bioteknologi; makanan dan minuman; serta pelabelan dan pembungkusan.

Syarikat berkenaan melaksanakan projek di bawah *SIRIM Industrial Innovation Model Fund*: Alion Nation Solution Sdn Bhd; Free The Seed Sdn Bhd; dan RS Advanced Technology Sdn Bhd. Syarikat di bawah program *Food for Future Innovation Network*: Algaetech International Sdn Bhd; Solo Labeller Tech Sdn Bhd; dan Muslim Kitchen Sdn Bhd; dan syarikat di bawah program *Micro Small Enterprises Technology Nurture Programme (MiSE Nurture)*: Micro Precision Machining Sdn Bhd; Mozac Medicare Sdn Bhd; Syarikat Hasan Majid Sdn Bhd; Deligateaux (M) Sdn Bhd; ASA Palmilk (M) Sdn Bhd, dan Hamie Industries Sdn Bhd.

Prof Ir Dr Ahmad Fadzil berkata, di bawah program SIRIM-Fraunhofer, antara penyelesaian intervensi teknologi dan inovasi yang dilaksanakan adalah peningkatan tahap mekanisasi dan automasi; adaptasi teknologi baru dalam pembangunan produk dan proses termasuk pengujian prototaip, peningkatan proses pengeluaran serta pembangunan kompetensi dalam pengurusan teknologi dan inovasi.

“Penyelesaian yang dicadangkan dapat membantu syarikat-syarikat ini menangani keperluan khusus dan isu-isu yang mengekang peningkatan produktiviti mereka,” katanya.

Program SIRIM-Fraunhofer bermula pada 2015, memberi penekanan kepada pengenalpastian masalah yang dialami PKS melalui audit teknologi terutamanya dalam teknologi dan inovasi.

Sehingga kini sebanyak 472 syarikat PKS telah menjalani audit teknologi, manakala 337 syarikat lagi menjalani pelbagai tahap pelaksanaan projek intervensi melalui adaptasi teknologi yang disyorkan.

###

#### **Mengenai SIRIM Berhad**

Sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan dan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, SIRIM Berhad adalah organisasi Penyelidikan dan Teknologi Perindustrian yang utama di negara ini. SIRIM Berhad juga adalah peneraju Kualiti dan telah menerima pengiktirafan antarabangsa bagi Standard dan Penilaian Pematuhan, selaras dengan misinya untuk “menjadi penyedia penyelesaian menyeluruh dalam inovasi kualiti dan teknologi.” [www.sirim.my](http://www.sirim.my)

---

#### **Perhubungan Media:**

- Ruhil Amani Zainal Abidin, Tel: 603 5544 6770 / 013-2010402 e-mail: [ruhil@sirim.my](mailto:ruhil@sirim.my)
- Amalia Hasannudin, Tel: 603 5544 5021 / 017-3096519 e-mail: [amalia@sirim.my](mailto:amalia@sirim.my)